

Derma dua juta vaksin palsu

Khairy Jamaluddin sahkan tawaran syarikat Xintai kepada Pulau Pinang tidak wujud

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Derma dua juta dos vaksin Covid-19 oleh syarikat berpangkalan di Hong Kong kepada Pulau Pinang adalah tawaran palsu.

Perkara itu disahkan oleh Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Menurutnya, siasatan dan carian telah dilakukan pihaknya mendapati syarikat berkenaan,

Xintai Development Enterprise LTD tidak wujud.

"Semakan kami dengan Sinovac di China juga mendapati pihaknya tidak menerima sebarang permohonan dan bukti penerimaan daripada syarikat berkenaan," katanya pada sidang akhbar secara maya pada Rabu.

Beliau berkata, wanita yang dikatakan sebagai pegawai Sinovac menguruskan pasaran Asia, Coco Chang juga menafikan perkara tersebut.

"Beliau menafikan telah dihubungi oleh Xintai bagi tujuan tersebut," katanya.

Khairy turut mendedahkan pihaknya juga menerima permohonan sumbangan derma dua juta dos vaksin Sinovac kepada Sabah oleh syarikat berkenaan.

"Pegawai mengingatkan saya bahawa kami menerima surat berkenaan pada 9 Februari lalu daripada Yong Chee Kong yang mendakwa dirinya

sebagai Pengarah Urusan Xintai.

"Apa yang ditunjukkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow semalam (Selasa) adalah palsu dan scam," katanya.

Sehubungan itu katanya, Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) telah diarahkan untuk membuat laporan polis.

"Kita nak tahu siapa Chee Kong ini. Saya tidak kenal dia, saya tidak tahu apa tujuannya, jadi biar polis siasat kerana ia mengelirukan," katanya.

Dalam pada itu, Khairy berkata, beliau juga telah menghubungi Kon Yeow dan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng agar tidak mempolitikkan PICK dengan 'sampah'.



KHAIRY JAMALUDDIN

"Surat ini adalah asas untuk menuduh kerajaan Persekutuan. Tuduhan ini sangat serius dan saya nafikan sekeras-kerasnya.

"Surat tawaran ini pun tiada kepala surat yang sempurna," katanya sambil melahirkan rasa kekecewaan atas tuduhan di-

lemparkan Pulau Pinang.

Tegasnya, kerajaan Persekutuan tidak menghalang mana-mana pihak untuk membuat sumbangan vaksin namun harus berdasarkan saluran yang betul.

"Vaksin ini adalah barang-an terkawal. Bukannya seperti kita boleh beli t-shirt di Shopee," katanya.

Tambahnya, ramai pihak mendakwa mempunyai akses dengan pengeluaran vaksin, na-

mun gagal membuktikannya.

Pada sidang akhbar itu, Khairy turut mendedahkan salinan surat Chee Kong kepada Kon Yeow.

Antara isi kandungan surat tersebut adalah mendakwa Xintai telah berhubung dengan Sinovac dan membayar deposit AS\$2 juta sebelum Tahun Baharu Cina lalu sebagai tanda minat dengan vaksin berkenaan pada harga yang dipersetujui.

Sekiranya rundingan antara Pulau Pinang, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Sinovac berjaya, syarikat itu akan membayar jumlah keseluruhan bagi pihak kerajaan negeri.

Kata Chee Kong, kesemua transaksi dibuat menerusi akaun HSBC persendirian di Hong Kong.

Sebelum ini, Pulau Pinang menuntut kerajaan meluluskan segera sumbangan tersebut bagi kegunaan rakyat di negeri itu.